



Meningkatkan Keberkesanan Kembara Ilmu Berpandukan Pembelajaran Berasaskan Pengalaman 'Experiential Learning'

Norliza Abdul Hamid
Nuraini Abdul Gapor

nuraini.abdulgapor@rgs.edu.sg

Safiah Ani

Sekolah Menengah Perempuan Raffles

Abstrak

Program Kembara Ilmu dilaksanakan untuk pelajar-pelajar Bahasa Melayu Lanjutan berasaskan 'Experiential Learning' dan Mesej Pendidikan Nasional. Program ini berfokus kepada pembelajaran dan pengalaman melangkaui bilik darjah tetapi masih berteraskan kurikulum yang dilakarkan. Pelajar-pelajar dari peringkat menengah rendah dan atas dibawa berkunjung ke tempat-tempat warisan sejarah dan budaya Melayu di Singapura. Dapatkan kajian ini bersifat kualitatif yang memaparkan keberkesanan program-program yang dikendalikan berdasarkan hasil penulisan dan renungan pelajar. Kajian ini meneliti kemampuan program melibatkan pembelajaran yang aktif dalam suasana yang autentik lantas membantu pelajar membina jalinan yang mendalam dan bermakna. Kajian ini turut meneliti keupayaan pelajar mengaplikasikan pengalaman mereka dengan pengetahuan dan kemahiran yang diraih daripada kurikulum.

Kata kunci

Pembelajaran Berasaskan Pengalaman, Kembara Ilmu

PENGENALAN

Kembara Ilmu (Learning Journeys) merujuk kepada darmawisata yang bertujuan memperkaya pengalaman dan pembelajaran pelajar di luar bilik darjah. Seyogia sesuatu Kembara Ilmu dapat memperluas mandala pemikiran pelajar lantas membangun diri mereka dalam pelbagai aspek. Di Singapura, setiap Kembara Ilmu yang dilaksanakan seharusnya menepati Mesej Pendidikan Nasional yang antaranya ialah

- Singapura tanah air kita, di sini tempat kita
- Kita sendiri yang mesti mempertahankan Singapura
- Tiada sesiapa yang bertanggungjawab terhadap Singapura
- Kita mempunyai keyakinan terhadap masa depan kita.

Penerapan Mesej Pendidikan Nasional ini diharapkan dapat menyedarkan para pelajar bahawa mereka merupakan sebahagian daripada Singapura dan memupuk rasa kecintaan dan penghargaan terhadap Negara sebagai tanah air mereka. Selain itu, para pelajar juga diharapkan agar menyumbang kepada masyarakat dan menyedari bahawa setiap individu mempunyai peranan untuk mencipta, membina dan memimpin bagi kemakmuran, penakatan dan kesejahteraan Singapura.

Pembelajaran berdasarkan Pengalaman (Experiential Learning) menjadi panduan pelaksanaan Kembara Ilmu. Menurut Dewey (1944), semua pengetahuan bermula dari pengalaman. Lantaran itu, Pembelajaran berdasarkan Pengalaman merujuk kepada pembelajaran melalui pengalaman, tindakan, aktiviti, penemuan dan penerokaan. Pembelajaran berdasarkan Pengalaman ini dicipta dengan prinsip pusat pembelajaran (learning centre) ialah pengalaman (Kolb). Pelaksanaan Pembelajaran berdasarkan Pengalaman ini membantu perancangan yang lebih teliti agar melibatkan pembelajaran yang aktif dan membantu pelajar membina jalinan yang mendalam dan bermakna. Hasil kajian pastinya dapat melihat kekuatan dan kelemahan pelaksanaan Kembara Ilmu.

PERNYATAAN MASALAH

Program Kembara Ilmu di Sekolah Perempuan Raffles dilaksanakan sepanjang seminggu setiap tahun. Tiga program khusus untuk pelajar-pelajar bahasa Melayu Lanjutan dijalankan dengan penerapan Mesej Pendidikan Nasional yang pertama iaitu Singapura tanah air kita; di sini tempat kita. Fokus utama dalam mesej ini ialah peranan setiap warga mengekalkan warisan dan cara hidup kita. Pelajar-pelajar dibawa berdarmawisata ke tempat-tempat warisan sejarah dan budaya

masyarakat Melayu di serata Singapura. Setiap peringkat dibawa melawat ke satu destinasi sahaja. Matlamat utamanya adalah meningkatkan kesedaran pelajar terhadap kepentingan tempat-tempat warisan ini dan kepentingan mengekalkan dan memuliharanya.

Daripada pemerhatian rambang para guru pada tahun-tahun yang lalu, para pelajar memaparkan rasa seronok berdarmawisata dan menunjukkan rasa minat terhadap tempat-tempat yang dilawati. Setiap tugas yang berkaitan dan maklum balas pelajar membuktikan peningkatan pengetahuan dan pemahaman mereka terhadap kepentingan dan pengekalan tempat-tempat warisan sejarah dan budaya ini. Nampak demikian, tahap kesedaran dan pengetahuan tidak dapat dibuktikan sepenuhnya. Ada sesetengah pelajar yang bersikap agak pasif terutama bagi lawatan yang disediakan pemandu lawatan. Dari aspek kesedaran terhadap peranan mereka sebagai pewaris sejarah dan budaya juga masih kelihatan kabur. Penerapan pengetahuan dalam penulisan mereka kurang menggambarkan jalinan yang lebih bermakna terhadap tempat-tempat warisan ini.

TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk

1. menyelidik keberkesanannya program Kembara Ilmu yang berpandukan Pembelajaran berasaskan Pengalaman (EL); dan
2. meninjau pengaplikasian hasil Kembara Ilmu dalam kurikulum Bahasa Melayu Lanjutan.

KAJIAN LITERATUR


Pembelajaran berasaskan Pengalaman ialah proses pembelajaran melalui tindakan atau perbuatan dan juga renungan terhadap pengalaman yang dilalui. Antara aktiviti Pembelajaran berasaskan Pengalaman ini ialah darmawisata, eksperimen di makmal, dan persempahan. Pembelajaran berasaskan Pengalaman ini ialah satu falsafah dan metodologi yang digunakan oleh pendidik untuk melibatkan pelajar dalam satu pengalaman langsung dan renungan yang berfokus untuk meningkatkan pengetahuan, membina kemahiran, dan menerangkan nilai-nilai. (*Association for Experiential Education*, para 2).

John Dewey (1944) menekankan bahawa pembelajaran melibatkan pembangunan dan penyusunan semula pengalaman dapat menambah nilai dan membantu dalam menentukan haluan pengalaman selanjutnya. Beliau juga

membahaskan kepentingan membuat renungan terhadap pengalaman yang dilalui untuk menjadikannya lebih bermakna.

Teori Pembelajaran berdasarkan Pengalaman (Experiential Learning Theory/ ELT) yang diasaskan oleh Kolb (1984) menjelaskan bahawa pengalaman menjadi satu bentuk pembelajaran melalui satu kitaran yang melibatkan proses mengalami, merenung, berfikir dan bertindak. Kolb mentakrifkan pembelajaran sebagai satu proses penciptaan pengetahuan melalui transformasi pengalaman. Ilmu pengetahuan terhasil daripada gabungan pemahaman dan transformasi sesuatu pengalaman. Berpandukan ELT, Kolb membentuk Kitaran Pembelajaran berdasarkan Pengalaman (*Experiential Learning Cycle/ ELC*) yang melibatkan 4 elemen atau tahap iaitu pengalaman konkrit (*Concrete Experience - CE*), pemerhatian dan renungan (*Reflective Observation – RO*), pembentukan konsep abstrak (*Abstract Conceptualization – AC*), dan pengujikajian aktif (*Active Experimentation – AE*).

Rajah 1: Kolb' Experiential Learning Cycle.



Dipetik dari lelaman bsspdl.wordpress.com

Pada tahap CE, pelajar akan melalui pengalaman iaitu pelibatan yang aktif sebagai aspek utama. Menurut Kolb, pembelajaran tidak akan terhasil hanya dengan menonton atau membaca. Untuk belajar dengan efektif, seseorang itu haruslah terlibat dalam suatu tindakan. Pada tahap RO pula, pelajar akan berkongsi pengalaman, reaksi, pemerhatian dan perasaan terhadap

apa yang mereka lalui. Pada tahap selanjutnya, AC, pelajar akan mencerakin, menganalisis, membincangkan, dan menilai pengalaman serta apa yang mereka raih daripadanya. Pada tahap yang terakhir, AE, pelajar akan memikirkan pengaplikasian pengetahuan dan pelajaran daripada pengalaman ini ke dalam suatu konteks yang relevan dalam kehidupan pelajar. Sesuatu pembelajaran akan dipandang berguna seandainya dapat dikaitkan dengan kehidupan seseorang. Jika kaitan dan kerelevannya tidak jelas, sesuatu pembelajaran pastinya akan mudah dilupakan.

Kajian lepas yang dinyatakan di atas jelas menunjukkan bahawa Pembelajaran berdasarkan Pengalaman dapat meningkatkan keberkesanan sesuatu pembelajaran dan menjadikannya lebih bermakna kepada pelajar. Penggunaan keempat-empat tahap dalam ELC: mengalami, merenung, berfikir dan bertindak, akan dapat membuat pelajar melihat kepentingan pengalaman dengan lebih holistik atau menyeluruh. Satu prinsip dalam Pembelajaran berdasarkan Pengalaman ini ialah pelibatan aktif dari segi intelek, emosi, sosial, dan fizikal.

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini berlangsung selama empat minggu. Berpandukan Kolb ELC, Kembara Ilmu dirancang agar keempat-empat tahap dapat dilaksanakan. Keberkesanannya ditinjau dalam tiga aspek utama iaitu Pengetahuan, Tanggapan, dan Perasaan. Ketiga-tiga aspek ini diselidik dalam beberapa instrumen kajian yang dijalankan sebelum dan sesudah lawatan, baik secara individu maupun kumpulan.

SUBJEK KAJIAN

Pelajar-pelajar Bahasa Melayu Lanjutan dari tahun satu, tigadan empat menjadi subjek kajian. Pelajar tahun satu seramai 15 orang dibawa ke Makam Radin Mas dan Mt Faber. Fokus pembelajaran ialah kaitan tokoh-tokoh legenda Melayu dengan tempat-tempat warisan ini. Pelajar tahun tiga seramai 24 orang dibawa ke Kampung Glam untuk melihat kepentingan kawasan ini dahulu, kini, dan masa depan. Pelajar tahun empat seramai 29 pelajar pula dibawa ke Geylang Serai untuk meninjau kepentingannya dahulu, kini, dan masa depan.

INSTRUMEN KAJIAN

Kitaran Pembelajaran berdasarkan Pengalaman (ELC) dijadikan panduan bagi


aktiviti dan pembentukan instrumen kajian. Pertama, tinjauan pra-lawatan dan pasca-lawatan dalam bentuk soal-selidik digunakan. Selain itu, para pelajar juga membuat kajian sebelum lawatan secara berkumpulan. Hasil pembentangan kajian ini dijadikan satu lagi instrumen kajian. Kajian juga melihat jurnal bergambar yang dihasilkan secara individu sebagai dokumen tambahan untuk pengumpulan data. Kajian juga menggunakan hasil penulisan pelajar untuk meninjau pengaplikasian ilmu yang diraih ke dalam aspek kemahiran yang dipelajari di dalam kurikulum. Karangan naratif (tahun satu), e-mel (tahun tiga), dan perbincangan (tahun empat) dijadikan instrumen kajian. Ketiga-tiga genre ini dipilih berdasarkan kemahiran yang dipelajari di dalam kelas.

PROSEDUR KAJIAN

Borang soal selidik pratinjauan dan kajian secara berkumpulan dijalankan seminggu sebelum lawatan. Semasa lawatan, untuk meningkatkan pelibatan yang aktif, pelajar perlu mencatat hasil pengamatan dan penerokaan akan suasana, keadaan, dan aspek budaya dan pada masa yang sama mengambil gambar perkara menarik yang mereka amati. Bagi pelajar tahun empat, tambahan tugasan adalah mewawancara peniaga dan pengunjung bagi mendapatkan maklumat akan kepentingan Geylang Serai. Selepas lawatan, pelajar mengisi borang soal selidik pascalawatan dan antara bahagian yang perlu diisi ialah renungan mereka. Mereka juga membentangkan hasil kajian dan pemerhatian mereka sepanjang lawatan di dalam kelas. Jurnal bergambar secara individu dihantar selepas lawatan. Pelajar kemudiannya menghasilkan karangan mereka.

Kesemua data yang dikumpulkan daripada pelbagai instrumen kajian dibahagikan kepada tiga aspek utama iaitu Pengetahuan, Tanggapan dan Perasaan. Untuk menganalisis aspek-aspek ini seberapa yang boleh digunakan Taksonomi Bloom (2001) sebagai panduan untuk menentukan ketinggian tahap pengetahuan dan pemikiran pelajar. Hal ini dapat menunjukkan pemahaman pelajar terhadap apa yang dialami dan dipelajari mereka. Kajian melihat sama ada kesemua tahap dalam Taksonomi Bloom ditunjukkan di dalam data yang dikumpulkan.

Rajah 2: Taksonomi Bloom



Dipetik dari laman www.nwlink.com

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

1. Aspek Pengetahuan

1a. Pralawatan

Tinjauan pralawatan menunjukkan bahawa tahap pengetahuan pelajar terhadap tempat yang akan dilawati amat rendah. Ada pelajar yang langsung tidak mempunyai sebarang pengetahuan, tidak pasti tentang maklumat, atau mempunyai sedikit maklumat namun ada yang tidak tepat. Jika pengetahuan mereka tepat sekalipun, maklumat yang diberikan bersifat umum dan tidak mendalam serta terperinci. Merujuk kepada Taksonomi Bloom (2001), pengetahuan pelajar hanya pada tahap Mengetahui dan Memahami.

Seramai 46% pelajar tahun 1 tidak tahu tentang Mt Faber dan Teluk Belangah, manakala 38% pelajar tidak tahu atau kurang pasti tentang Radin Mas Ayu. 31% pelajar mempunyai sedikit pengetahuan tentang tempat dan 46% tentang Radin Mas Ayu sebagai seorang puteri. 23% pelajar tahu tentang tempat yang dilawati seperti sedikit sejarah dan kepentingannya. Hanya 15% pelajar tahu dengan lebih lanjut tentang Radin Mas Ayu kerana pernah menonton filemnya atau pernah dibawa melawat ke makamnya semasa di sekolah rendah.

Bagi pelajar tahun 4 pula, lebih kurang 37% pelajar tidak pasti atau tidak ada pengetahuan tentang asal-usul nama Geylang Serai. 27% pula

tidak yakin dengan maklumat yang mereka ada. 21% pula memberikan maklumat yang kurang tepat, misalan “Saya berfikir bahawa serai merupakan sejenis bahan yang sering digunakan oleh Orang Melayu dan oleh itu, serai digunakan dalam nama ini kerana geylang serai menjual pelbagai bahan-bahan Melayu.” Hanya 15% dapat memberikan maklumat dengan tepat.

Tiada peratusan yang dikumpulkan untuk pelajar tahun 3. Mereka hanya dapat menamakan tempat dan individu tertentu yang berkaitan dengan Kampung Glam seperti Masjid Sultan, Gedung Kuning, Taman Warisan, Restoran Zam-Zam, dan Golden Landmark. Dari aspek budaya pula, pelajar-pelajar menyebut tentang kedai-kedai busana, tekstil, makanan Melayu, India dan Arab, dan kedai kraftangan. Tiada pelajar yang menyebut aspek seni bina bangunan yang berkaitan dengan budaya.

1b. Pascalawatan

Data-data pasca-lawatan membuktikan peningkatan yang amat ketara pada tahap pengetahuan pelajar. Baik pelajar tahun 1, tahun 3 mahupun tahun 4, tiada seorang pun yang menyatakan tiada pengetahuan tentang tempat, tokoh dan sejarah kawasan-kawasan yang dilawati atau tidak yakin dengan maklumat yang diberikan. Terdapat sebilangan kecil pelajar yang memberikan maklumat yang kurang tepat. Namun, ketidaktepatan itu berkenaan perincian lanjut dan bukan penjelasan utama. Berpandukan Taksonomi Bloom, peningkatan pengetahuan lebih mendalam apabila pelajar dapat Mengingat, Memahami, Menganalisis, malah dapat Menilai maklumat yang diraih.

Pelajar-pelajar tahun 1 dapat mengeluarkan semula fakta mengenai sejarah tempat, kaitan tempat dengan tokoh-tokoh legenda Radin Mas Ayu, Sang Nila Utama (Teluk Belangah) dan Hang Nadim (Bukit Merah), cerita legenda secara rinci, dan aspek budaya seperti asal nama Teluk Belangah dan baju kurung Teluk Belangah. Pelajar-pelajar juga dapat menerangkan sifat Radin Mas Ayu dengan jelas dan pengajarannya. Tokoh-tokoh dalam sejarah Radin Mas Ayu diterapkan dalam karangan naratif mereka yang bertajuk ‘Radin Mas Kembali’ selain mengetengahkan sifat-sifat Radin Mas yang taat, tabah, berani, dan memaafkan. Mereka juga dapat memaparkan bahagian penting daripada riwayat Radin Mas Ayu di dalam karangan dengan pengolahan semula.

Jadual 1: Hasil Tulisan Pelajar Tahun 1

	Hasil Tulisan Pelajar Tahun 1	Sumber Dokumen
1	Radin Mas merupakan seorang yang putih hati. Dia tidak berbalas dendam apabila dituduh melakukan sesuatu yang tidak dilakukannya. Dia juga sanggup berkorban jiwa untuk melindungi ayahnya.	Tinjauan pascalawatan
2	“Tidak, saya bangga kerana dapat menyelamatkan ayah. Saya juga rela dengan kemahuan yang Maha Kuasa.” (Kata watak Radin Mas yang ditanyakan sama ada dia mahu mengubah sejarahnya.)	Karangan naratif
3	“Keberanian dan kerelaan Radin Mas kepada Allah patut dicontohi. Rakyat Singapura sayogia mengingati Radin Mas sebagai seorang gadis ayu yang berhati mulia dan seberani singa.” (Perenggan penutup)	Karangan naratif

Pelajar-pelajar tahun 3 memberi penerangan tambahan dengan meyakinkan tentang sejarah dan peranan Gedung Kuning, Taman Warisan dan Masjid Sultan dahulu dan kini. Malah aspek seni bina berjaya dihuraikan dengan jelas jika dibandingkan sebelum lawatan. Selain itu, pelajar-pelajar mengenal pasti dan menyelami nilai-nilai masyarakat Melayu berkaitan bangunan-bangunan, kegiatan, dan kawasan Kampung Glam. Daripada sejarah Masjid Sultan, pelajar menyedari nilai bantu-membantu, gotong-royong dan hubungan rapat dalam masyarakat di Kampung Glam. Antara orang kaya dan orang miskin tidak dibezakan malah masing-masing mempunyai peranan dan boleh menyumbang dalam apa juga bentuk yang mereka mampu kepada pembangunan Masjid Sultan.

Jadual 2: Hasil Tulisan Pelajar Tahun 3

	Hasil Tulisan Pelajar Tahun 3	Sumber Dokumen
1	Seni bina bangunan Gedung Kuning Palladian. Terdapat pengaruh budaya Melayu, Arab dan Peranakan. Asalnya ialah rumah bendahara kemudian dimiliki oleh Tuan Yusuf tali pinggang.	Tinjauan pascalawatan
2	Taman Warisan mendidik masyarakat Melayu tentang budaya Melayu supaya mereka berasa bangga menjadi seorang Melayu.	Tinjauan pascalawatan
3	Tapak botol-botol kaca yang menjadi gelang pada kubah masjid sultan. Ciri unik ini menarik perhatian saya. Pertama, ia menunjukkan betapa kreatifnya kaum Melayu pada masa itu. Kedua, ia menunjukkan semangat gotong-royong dan kemasyarakatan kaum Melayu pada masa itu, di mana setiap orang akan membantu antara satu sama lain dalam apa bentuk yang dia mampu.	Jurnal Bergambar

Dapatan yang sama dapat dilihat pada data-data pelajar tahun 4. Antaranya mereka dapat mengaitkan latar sejarah dengan tokoh dan masyarakat, memberi latar sejarah sepanjang garis masa yang lebih luas, dan memberikan rujukan khusus untuk membuat penerangan. Selain itu, mereka mengiktiraf, mengemukakan dan memberi pandangan mengenai teori asal-usul nama Geylang Serai yang paling relevan.

Jadual 3: Hasil Tulisan Pelajar Tahun 4

	Hasil Tulisan Pelajar Tahun 4	Sumber Dokumen
1	Berdasarkan catatan dalam <i>Journal Of The Royal Asiatic Society Straits Branch</i> , Geylang mendapat namanya dari nama sejenis tumbuhan melata, iaitu Gêlang Pasir.	Tinjauan pascalawatan

2	<p>Terdapat beberapa teori yang membincangkan asal-usul nama Geylang Serai. Di antaranya ialah teori berkaitan dengan sejarah Geylang Serai di mana terdapat banyak kilang-kilang memproses serai. ‘Geylang’ berasal daripada ‘kilang’ dan oleh itu, tempat tersebut dinamakan Geylang Serai. Selain itu, terdapat juga teori bahawa nama “Geylang Serai” berasal daripada wujudnya sebuah kaum orang laut yang bernama Orang Gallang. Mereka dahulu telah tinggal di kawasan Geylang Serai.</p>	Tinjauan pascalawatan
3	<p>Nama Geylang Serai mempunyai banyak teori mengenai asal usulnya dan latar sejarahnya. Pada pendapat saya, antara teori yang paling relevan dan senang untuk difahami adalah, pada masa dahulu kawasan Geylang Serai, yang dulunya juga dipanggil Gelang, Gaylang, timbul kerana kawasan itu merupakan bekas kawasan kilang serai yang dimiliki 3 pedagang dan keluarga kaya iaitu keturunan Aljunied, Alsagoff dan Alkaff.</p>	Tinjauan pascalawatan

2. Aspek Tanggapan

2.a Pralawatan

Daripada tinjauan pralawatan, didapati bahawa tanggapan dan pandangan pelajar-pelajar tahun 1 dan 3 bersifat umum dan dangkal. Pelajar-pelajar tahun 1 menyebutnya sebagai tempat sejarah yang menarik tanpa memberikan penjelasan dan sokongan bukti. Mt Faber dikatakan penting kepada Singapura, penting kepada masyarakat Melayu kerana di sutilah Radin Mas dikebumikan, dan banyak nilainya. Pada pendapat mereka, Kembara Ilmu yang akan diikuti akan menambah pengetahuan, dapat mengeratkan hubungan dengan kawan-kawan, dapat belajar bahasa Melayu dengan cara yang menyeronokkan dan dapat membuat aktiviti amali. Pelajar-pelajar tahun 3 pula merasakan bahawa Kampung Glam ialah satu pusat tarikan pelancong, kawasan yang penting kepada masyarakat Melayu, kaya dengan budaya Melayu: tempat orang Melayu membeli kain, makanan dan menikmati pemandangan, ramai orang Melayu, dan banyak unsur agama. Para pelajar

daripada kedua-dua peringkat hanya dapat menyatakan pandangan mereka tanpa penerangan yang jelas dan mencukupi.

Berbeza daripada pelajar-pelajar tahun 1 dan 3, tanggapan pelajar-pelajar tahun 4 lebih luas dan mendalam. Mereka melihat Geylang Serai sebagai lambang identiti atau ikon masyarakat Melayu. Geylang Serai juga dilihat berfungsi untuk membentuk identiti atau jati diri masyarakat Melayu, untuk mengekalkan budaya dan sejarah masyarakat Melayu, dan sebagai pusat jual beli masyarakat Melayu. Dari segi kepentingan Kembara Ilmu pula, pelajar-pelajar menyatakan bahawa Kembara Ilmu akan meningkatkan pengetahuan tentang kepentingan Geylang Serai, dan memberi peluang kepada pelajar yang tidak pernah atau jarang ke sana kerana lebih memilih kawasan lain seperti Orchard dan Bugis. Berikut ini antara tanggapan pelajar:

Jadual 4: Hasil Tulisan Pelajar Tahun 4

	Hasil Tulisan Pelajar Tahun 4	Sumber Dokumen
1	Geylang Serai penting kepada masyarakat Melayu di Singapura kerana ia merupakan sebahagian daripada identiti orang Melayu di Singapura. Ia mempunyai banyak gerai-gerai yang melambang budaya dan seni Melayu yang sukar untuk didapatkan di tempat lain kerana Singapura sedang melalui era pemodenan. Tempat ini akan mengingatkan masyarakat Melayu tentang sejarah dan budaya kami	
2	Di negara Singapura yang moden dan global, Geylang Serai memainkan peranan yang amat penting bagi memelihara warisan Melayu. Saya berpendapat bahawa terdapat pelbagai barang dan hasil tangan orang Melayu yang dapat mencerminkan identiti masyarakat Melayu di Singapura. Tanpa adanya Geylang Serai, sumber produk-produk Melayu akan hilang, begitu juga dengan identiti Melayu, disebabkan kekurangan amalan budaya Melayu	Tinjauan pascalawatan
3	Ia penting untuk mengekalkan budaya kami dan geylang serai merupakan sesuatu lambang budaya kami. Ia merupakan tempat di mana orang Melayu boleh berkunjung dan berhimpun.	

2b. Pascalawatan

Data-data pascalawatan menggambarkan perkembangan tanggapan pelajar daripada setiap peringkat. Setiap tanggapan lebih mendalam dengan penerangan yang lebih lanjut, lebih kukuh, lebih kritis dengan tahap pemikiran yang lebih tinggi khususnya di peringkat tahun 4, dan lebih bermakna. Mesej Pendidikan Nasional iaitu ‘Singapura tanah air kita; di sini tempat kita’, berjaya difahami dan dipaparkan dalam pelbagai dokumen. Respons pelajar membuktikan kepentingan tempat-tempat warisan ini dikekalkan dan dipulihara demi generasi akan datang. Pada masa yang sama, mereka turut menyatakan pentingnya peranan generasi muda untuk menyumbang kepada pemuliharaan ini. Ini disebabkan kesedaran pelajar terhadap nilai sejarah dan budaya Melayu pada tempat-tempat yang dilawati. Sila rujuk jadual di bawah ini.

Jadual 5: Hasil Tulisan Pelajar Tahun 1

	Hasil Tulisan Pelajar Tahun 1	Sumber Dokumen
1	Perkara yang signifikan tentang lawatan ialah makam-makam harus dijaga dengan sempurna. Ia menunjukkan yang masyarakat kita mengenang jasa orang-orang yang telah membantu kita dan meninggalkan kesan kepada saya untuk terus menjaga warisan ini.	Tinjauan pascalawatan
2	Pengalaman saya menarik dan istimewa. Saya harap kami diberi peluang untuk melalui kembara ilmu seperti ini lagi. Saya dapat pelajari banyak tentang masyarakat Melayu di Singapura. Dari Kembara ini saya sedar betapa pentingnya legenda dan harta warisan kita. Saya harap saya akan lebih menghargai apa yang telah membentuk sejarah kita. Saya harap ada lebih ramai orang seperti Pak Daing, penjaga makam Radin Mas, dan mereka akan tahu tentang kepentingan masyarakat kita ini.	Tinjauan pascalawatan
3	Masa akan datang: tempat-tempat warisan di Singapura akan dirobohkan kerana remaja tidak mempedulikan warisan. (gambaran yang diberikan pada masa akan datang)	Karangan naratif

4	Saya rasa makam Radin Mas harus dijaga dengan baik supaya harta pusaka ini dapat dilihat dan dihormati oleh generasi depan Singapura. Keberanian Radin Mas Ayu harus diingati supaya ceritanya tidak luput ditelan masa.	Jurnal Bergambar
---	--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	------------------

Agak berbeza daripada pelajar tahun 1, pelajar-pelajar tahun 3 pada pascalawatan mengubah sedikit tanggapan mereka. Jika pada pralawatan mereka menganggap kawasan Kampung Glam sebagai ‘sangat Melayu’, setelah lawatan mereka melihat daya tarikannya. Ada pelajar yang tidak menyangka Kampung Glam begitu indah sementara yang lain pula menganggap kawasan ini sebagai sangat menarik kerana dapat mengalami budaya Melayu dan menikmati banyak bentuk perniagaan. Ramai yang mengakui bahawa Kampung Glam banyak mengalami perubahan.

Jadual 6: Hasil Tulisan Pelajar Tahun 3

	Hasil Tulisan Pelajar Tahun 3	Sumber Dokumen
1	Kampung Glam merupakan suatu tempat yang penting bagi membina jati diri kita sebagai seorang yang berbangsa Melayu.	Karangan e-mel tidak rasmi
2	Ia semakin moden dengan pengaruh dari budaya lain.	Tinjauan pascalawatan
3	Kampung Glam telah mengalami pelbagai perubahan dari rupanya yang dahulu. Ia telah dijadikan moden untuk mempromosi pelancongan dan memulihara warisan masyarakat Melayu. Aset-aset budaya kita masih dikekalkan seperti seni bina bangunan-bangunan di situ. Warisan daripada nenek-moyang kita dan peninggalan ini mencerminkan cara kehidupan masyarakat dahulu yang menetap di sana.	Pembentangan kajian kumpulan selepas lawatan

4	<p>Sebagai generasi baharu orang Melayu Singapura, kami perlu sedar bahawa kami juga boleh menyumbang pada pemuliharaan Kampung Glam. Jikalau daya tarikan Kampung Glam dan perniagaan yang dijalankan terus meningkat dan bertambah maju, masyarakat Kampung Glam berpotensi untuk berkembang. Dengan publisiti yang baik, lebih banyak orang akan berminat untuk ke Kampung Glam dan menikmati keindahan sejarah tempat tersebut.</p>	<p>Pembentangan kajian kumpulan selepas lawatan</p>
---	-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	-----------------------------------------------------

Tanggapan pelajar-pelajar tahun 4 terhadap kepentingan Geylang Serai diluaskan daripada hanya aspek identiti dan budaya kepada aspek perniagaan atau komersil dan keperluan di bawah satu bumbung. Tambahan pula, terdapat pelajar menganggap bahawa aspek komersil diberikan lebih tumpuan daripada aspek budayanya.

Jadual 7: Hasil Tulisan Pelajar Tahun 4

	Hasil Tulisan Pelajar Tahun 4	Sumber Dokumen
1	<p>Geylang Serai merupakan tempat yang penting bagi masyarakat Melayu di Singapura kerana terdapat bermacam-macam barang yang dijual di sana, dari makanan Melayu, rempah ratus, dan sayur-mayur, hingga pakaian. Hal ini memudahkan para pembeli kerana semua barang ini di satu tempat, dan juga apa yang membezakan Geylang Serai daripada pusat membeli-belah yang lain. Tambahan pula, semua makanan yang dijual di sana halal, dan kebanyakannya pakaian yang dijual ialah pakaian Muslim, seperti tudung, songkok, dan lain-lain. Geylang pun menjadi salah satu tempat terkenal dalam kalangan Melayu. Selain itu, Geylang Serai pun kaya akan budaya Melayu dan sejarah. Aspek budaya boleh dilihat dari seni bina pasar Geylang Serai itu, yang dipengaruhi oleh rumah Gadang dari Minangkabau, serta keMelayuan barang-barang yang dijual di sana.</p>	<p>Tinjauan pascalawatan</p>

2	Geylang juga ada reputasi sebagai pusat perdagangan Melayu di Singapura, yang dikenali oleh orang Melayu Malaysia, Brunei dan Indonesia. Ini membuat Geylang Serai ikonik kepada masyarakat Melayu kerana ramai orang mengaitkan tempat orang Melayu Singapura dengan Geylang Serai.	Tinjauan pascalawatan
3	Sayangnya, kepentingan daerah Geylang Serai kini beralih kepada kegiatan komersil dan membeli-belah sahaja. Jarang sekali bagi peniaga ataupun pelanggan untuk menyatakan nilai budaya dan sejarah Geylang Serai sebagai sesuatu yang penting ketika mengunjungi daerah itu.	Jurnal bergambar

Dapatan yang menarik dapat dicerakin daripada pandangan para pelajar tahun 4 dalam karangan perbincangan yang bertajuk ‘Geylang Serai patut dianggap sebagai hab budaya masyarakat Melayu Singapura. Bincangkan’. Sejumlah signifikan pelajar tidak menyetujui pernyataan dalam soalan karangan, lantas mengubah tanggapan pralawatan mereka. Mereka telah menyokong pendirian dengan huraian yang baik dan diperkuuh lagi dengan contoh-contoh yang autentik berdasarkan pengamatan ketika lawatan. Salah satu contohnya seperti berikut:

Jadual 8: Hasil Tulisan Pelajar Tahun 4

	Hasil Tulisan Pelajar Tahun 4	Sumber Dokumen
1	Untuk dipertimbangkan sebagai sebuah hab budaya masyarakat Melayu Singapura, Geylang Serai sepatutnya mengandungi aspek-aspek tradisional Melayu yang patut diawetkan supaya budaya masyarakatnya tidak terlupakan. Aspek-aspek ini boleh ditakrifkan sebagai seni bina, makanan, pakaian atau sejarah. Geylang Serai memang menjadi tempat kepada ramai kedai-kedai makanan dan pakaian. Masalahnya intisari budaya yang terdapat pada makanan dan pakaian ini seringkali terjejas oleh kemodenan.	Karangan Perbincangan

	Ramai peniaga-peniaga menggayakan barang-barang ini seperti barang-barang moden supaya lebih ramai orang-orang akan membeli. Contohnya, baju kurung yang dijual di Geylang Serai lebih ketat jika dibandingkan dengan baju kurung tradisional yang dipakai oleh nenek-nenek moyang kita. Desain baharu ini diharapkan boleh menarik perhatian lebih ramai remaja di abad ke-21 kerana mereka secara amnya menyukai pakaian-pakaian ketat. Walaupun usaha ini dianggap berjaya, ia memang mengancam keaslian budaya Melayu. Oleh itu, fokus Geylang Serai bukanlah untuk mengawetkan budaya Melayu tetapi malah untuk memanipulasikan budaya Melayu supaya pusat komersil ini semakin berkembang maju	
--	------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	--

Para pelajar tahun 4 juga memberikan tanggapan yang agak kritis. Ada di antara mereka yang memaparkan sentimen bahawa masyarakat Melayu Singapura diperkecil dan disingkirkan. Perbandingan dibuat antara saiz kawasan ‘Geylang’ yang dahulu dengan kawasan Geylang Serai hari ini. Hal ini dianggap sesuatu yang mengecewakan. Ada juga yang beranggapan bahawa Geylang Serai kurang atau tidak dihargai oleh masyarakat Melayu sendiri. Kesimpulan ini dibuat hasil wawancara pelajar dengan pengunjung ke Geylang Serai. Rata-rata pengunjung menyebut kedatangan mereka hanyalah dengan tujuan membeli barang keperluan harian, keperluan perayaan atau majlis tertentu, kewujudan barang yang tidak didapatkan di tempat lain, kerana menjamu selera dan jalan-jalan. Pelajar merasakan bahawa aspek penghargaan sejarah kurang diperhatikan. Dapat memaparkan kesedaran pelajar akan jurang kemeriahan budaya Melayu di Geylang Serai dahulu dengan hakikat Geylang Serai kini, malahan meruntuhkan stereotaip Geylang Serai sebagai lambang jati diri sebenar masyarakat Melayu Singapura.

3. Perasaan

3.a Pralawatan

Sebelum lawatan, pelajar-pelajar dari semua peringkat hanya menyatakan rasa gembira, seronok, berminat, dan teruja kerana dapat belajar di luar sekolah, dapat bersama rakan-rakan, dapat mempelajari sesuatu yang baharu, dan dapat makan di Restoran Nur Indah (untuk tahun 4 sahaja). Kesemua pelajar tahun 1 dan 3 memberikan respons yang

positif berbeza daripada pelajar tahun 4. Daripada 29 pelajar tahun 4 yang mengikuti Kembara Ilmu, 2 orang daripadanya memberikan respons yang kurang positif sementara 4 orang pelajar memberikan respons yang boleh dikira neutral. Respons sedemikian diberikan kerana berkemungkinan pelajar hanya mengunjungi Geylang Serai pada hujung minggu atau sebelum Hari Raya.

Jadual 9: Hasil Tulisan Pelajar Tahun 4

	Hasil Tulisan Pelajar Tahun 4	Sumber Dokumen
1	Tidak teruja. Geylang tempat yang panas dan tidak ada banyak tempat teduhan, dan selalunya ada terlalu ramai orang.	
2	Saya tidak begitu suka pergi ke Geylang Serai sebab ada ramai orang dan bising. Jikalau ibu mengajak saya pergi ke Geylang, saya langsung berasa malas untuk pergi.	Tinjauan pralawatan
3	Tiada perasaan yang tertentu.	

3b. Pascalawatan

Dapatan pasca-lawatan memaparkan gambaran perasaan yang keseluruhannya positif dari semua peringkat. Bukan setakat positif malah pelajar melahirkan perasaan yang lebih bermakna berdasarkan pemahaman dan kesedaran yang lebih mendalam akan kepentingan tempat warisan, sejarahnya, budayanya hingga kepada tokoh yang berkaitan dengannya, dan pengajaran di sebalik cerita. Perkataan-perkataan perasaan yang digunakan ialah gembira, seronok, teruja, bersyukur, bertuah, kagum, bangga, menghargai, sedih, simpati, prihatin dan bimbang. Berikut ini antara pernyataan pelajar.

Jadual 10: Hasil Tulisan Pelajar Tahun 1

	Hasil Tulisan Pelajar Tahun 1	Sumber Dokumen
1	Amat sedih dan bersimpati selepas mendengar ceritanya (Radin Mas Ayu) yang amat menyedihkan.	Tinjauan pascalawatan
2	Amat bertuah kerana telah banyak ilmu yang diraih tentang Singapura dan masyarakat Melayu	Tinjauan pascalawatan

3	Saya rasa bersyukur dapat mengenali sejarah Melayu yang kaya dengan legenda-legenda dan cerita-cerita yang menarik, dan pada masa yang sama, memberi pengajaran yang berguna.	Jurnal bergambar
4	Saya rasa seronok. Kembara Ilmu ini sangat berharga. Kembara Ilmu ini telah membuat saya sedar bahawa sastera, sejarah Singapura, dan cerita rakyat sangat penting dalam hidup kami	Jurnal bergambar

Jadual 11: Hasil Tulisan Pelajar Tahun 4

	Hasil Tulisan Pelajar Tahun 4	Sumber Dokumen
1	Perasaan saya tentang Geylang Serai ialah saya berasa amat bangga kerana ada juga sebuah tempat di Singapura yang dapat menggambarkan masyarakat Melayu di Singapura, tetapi saya juga berasa sedih kerana ramai daripada kita tidak mengunjungi Geylang Serai, selain daripada bulan Ramadhan	Tinjauan pralawatan
2	Saya amat bersyukur kerana melalui kembara seperti ini saya dapat menghargai nilai yang ada pada budaya dan masyarakat Melayu dan ini telah menimbulkan perasaan bangga terhadap masyarakat Melayu kerana saya dapat melihat kejayaan yang telah diperoleh masyarakat Melayu ini	Tinjauan pralawatan

Pelajar-pelajar tahun 3 telah menulis e-mel yang bertajuk, "Baru-baru ini kamu telah mengikuti program Kembara Ilmu ke Kampung Glam. Tulis e-mel kepada sahabat kamu untuk berkongsi keprihatinan kamu tentang perkembangan di kawasan itu." Perasaan bimbang akan kelunturan budaya dan pencemaran kawasan dihuraikan dengan jelas. Berikut ini pernyataan pelajar:

Jadual 12: Hasil Tulisan Pelajar Tahun 3

	Hasil Tulisan Pelajar Tahun 3	Sumber Dokumen
1	Saya agak prihatin dengan hal ini. Saya takut budaya Melayu yang amat kuat akan hilang akibat modenisasi ini.	E-mel tidak rasmi
2	Saya prihatin semakin banyak kafe dan restoran yang menjual minuman keras atau makanan yang tidak halal sepanjang Bussorah St. Saya faham pemilik-pemilik kedai ingin memenuhi citarasa para pelancong utnuk menarik perhatian mereka. Walau bagaimanapun, kampung glam adalah khas untuk masyarakat Melayu. Kita patut hormati budaya dan agama mereka. Terutama sekali kerana gerai-gerai ini dibuka di hadapan masjid sultan	E-mel tidak rasmi
3	saya berasa bimbang kawasan itu akan menjadi tarikan pelancong sahaja.	E-mel tidak rasmi

KESIMPULAN

Secara rumusan, Kembara Ilmu telah berjaya menyampaikan mesej Pendidikan Nasional ‘Singapura tanah air kita; di sini tempat kita’. Kembara Ilmu berhasil menyedarkan pelajar akan peranan mereka mengekalkan warisan sejarah dan budaya demi generasi akan datang dan mengelakkan kepupusannya. Pelajar juga sedar akan pengekalan cara hidup sebagai anggota masyarakat Melayu yang berbudaya dan mempunyai nilai-nilai Melayu.

Penerapan Pembelajaran berdasarkan Pengalaman khususnya kitarannya (*Experiential Learning Cycle*) menjadikan Kembara Ilmu ini lebih bersifat holistik dengan menyentuh proses mengalami, merenung, berfikir, dan bertindak. Para pelajar dilibatkan secara aktif dari segi intelek, emosi, sosial, dan fizikal. Lantaran itu, ketiga-tiga aspek Pengetahuan, Tanggapan dan Perasaan dapat dijana daripada hasil penulisan dan pernyataan pelajar. Dapatkan kajian telah membuktikan keberkesanan Kembara Ilmu berpandukan EL. Bukan sahaja pengetahuan pelajar ditingkatkan malah diperluas dan diperdalam. Berpandukan Taksonomi Bloom, pengetahuan dan daya fikir dari aras Mengetahui hingga ke aras Menilai telah ditunjukkan. Kembara Ilmu ini juga menjadi lebih bermakna kerana relevan kepada pelajar sebagai seorang Melayu, pengamal budaya

Melayu, atau pelajar Bahasa Melayu. Yang utama, pelajar menunjukkan rasa cinta dan bangga kepada sejarah dan budaya Melayu dengan ketara sekali.

Tujuan kajian yang kedua iaitu pengaplikasian hasil Kembara Ilmu dalam kurikulum Bahasa Melayu Lanjutan boleh dikatakan dapat dicapai. Karangan yang ditulis membuktikan bahawa pelajar dapat mengaplikasikan ilmu pengetahuan yang diraih serta mengolah tanggapan dan perasaan mereka ke dalam tulisan. Para pelajar tahun 1 dapat mengolah cerita yang menghidupkan semula Radin Mas ke masa kini. Dalam karangan e-mel tidak rasmi, keprihatinan terhadap perkembangan Kampung Glam menunjukkan pemahaman pelajar tahun 3 akan perubahan dan pentingnya pengekalan tempat warisan ini dengan intipati budaya yang sebenar. Karangan perbincangan memaparkan anjakan paradigma pelajar tahun 4 akan kedudukan dan fungsi sebenar Geylang Serai dahulu dan kini.

Kendatipun begitu, kajian dapat diperbaiki dengan penyelarasan soalan-soalan soal selidik tinjauan pra dan pasca-lawatan bagi semua peringkat. Selain itu, boleh juga difikirkan penyelarasan tugas semasa lawatan untuk tahun 3 dan 4 agar menghasilkan dapatan yang lebih setara. Arahan bagi jurnal bergambar dapat dilakarkan dengan lebih jelas dan tersusun. Dari aspek *Active Experimentation* dalam ELC dapat diselidik dan difikirkan lagi agar menjadi lebih berkesan. Kesimpulannya, kajian ini berjaya mencapai kedua-dua tujuan yang dilakar dan diharapkan.

RUJUKAN

- Association for Experiential Education. <http://www.aee.org> Bloom Taxonomy of Learning Domains. Dipetik pada 3 Mac dari <http://www.nwlink.com/~donclark/hrd/bloom.html>
- David A.Kolb on experiential learning. Dipetik pada 2 Mac dari <http://infed.org/mobi/david-a-kolb-on-experiential-learning/>
- David Kolb, (1984) Experiential Learning: Experience as the source of learning and development. Dipetik pada 2 Mac dari <http://learningfromexperience.com/media/2012/02/deliberate-experiential-learning.pdf>
- David Kolb. What is Experiential Learning. Dipetik pada 2 Mac dari <http://learningfromexperience.com/>
- Dewey J, (1944) Democracy and Education. Dipetik pada 2 Mac dari <http://learningfromexperience.com/media/2012/02/deliberate-experiential-learning.pdf>
- Kendra Cherry. Experiential Learning. Dipetik pada 7 Mac dari <http://psychology.about.com/od/educationalpsychology/a/experiential-learning.htm>

Kolb's Experiential Learning Cycle. Dipetik pada 11 April dari <http://bsspdl.wordpress.com/2008/04/22/kolb-learning-cycle-2/>

Learning Journey. Dipetik pada 2 Mac dari <http://www.ne.edu.sg/lj.htm>

Pendidikan Nasional. Dipetik pada 2 Mac dari <http://www.scribd.com/doc/112141167/Pendidikan-Nasional-Singapura>

The Experiential Learning Cycle. Dipetik pada 2 Mac dari <http://www.learningandteaching.info/learning/experience.htm>